

17 APR 1999

DR MAHATHIR DIKUNJUNGI SULTAN SELANGOR

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan Sultan Selangor di kediaman peribadinya di The Mines, dekat sini.

Yang turut hadir dalam pertemuan hampir 30 minit itu ialah Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah dan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir kini berehat selepas dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN) pada 2 April lepas akibat jangkitan paru-paru selepas kembali dari Tanah Suci.

Beliau dibenarkan pulang Isnin lepas apabila kesihatannya semakin pulih tetapi dinasihatkan para doktor agar terus berehat di rumah sebelum bertugas semula.

Semalam, Dr Mahathir menerima kunjungan rombongan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Sebelum ini Perdana Menteri juga telah menerima kunjungan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah dan anggota-anggota Kabinetnya.

-- BERNAMA

AR PR